

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[KOTA SAMARAHAN]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik kehilangan pekerjaan di kalangan rakyat sejak pandemik COVID-19 melanda dan apakah tindakan Kerajaan menanganinya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan **statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO**, jumlah pekerja yang **kehilangan pekerjaan** bagi tempoh **Mac 2020 sehingga 20 Ogos 2021**, adalah seramai **140,608 orang** pekerja.

Kerajaan sedar serta amat prihatin terhadap impak COVID-19 di kalangan rakyat yang serius dan dalam tempoh tidak menentu ini ramai pekerja yang kehilangan pekerjaan atau diberhentikan memerlukan sokongan dan bantuan.

Sehubungan itu, antara tindakan kerajaan bagi menangani kehilangan pekerjaan adalah menyalurkan bantuan dengan **membantu Orang Berinsurans yang telah kehilangan pekerjaan**. Bantuan

tersebut adalah di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) iaitu faedah berbentuk kewangan dan bantuan pencarian pekerjaan seperti berikut:

**i. Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)**

menyediakan elaun mencari pekerjaan bagi tempoh 3 hingga 6 bulan tertakluk kepada syarat kelayakan caruman. Jumlah EMP yang dibayar adalah berdasarkan Gaji Bulanan Anggaran pada kadar seperti berikut:

- a. 80% bagi bulan yang pertama;
- b. 50% bagi bulan yang kedua;
- c. 40% bagi bulan yang ketiga dan keempat;
- d. 30% bagi bulan yang kelima dan keenam;

**ii. Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA)**

insentif untuk menggalakkan Orang Berinsurans untuk kembali bekerja dengan segera. Kadar bayaran EBSA adalah sebanyak 25% daripada baki EMP dan dibayar secara pukal;

**iii. Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB)**

disediakan kepada Orang Berinsurans yang bekerja dengan lebih daripada satu majikan dan telah kehilangan pekerjaan daripada salah satu majikan tersebut. Kadar dan tempoh bayaran adalah sama dengan EMP;

iv. Orang Berinsurans yang menjalani latihan akan mendapat **Elaun Latihan** di antara RM10 hingga RM20 sehari selama 6 bulan;

v. **Membiayai Fi Latihan** orang berinsurans yang dibayar kepada Penyedia Latihan yang berdaftar dengan jumlah maksimum sebanyak RM4,000; dan

- vi. Bantuan pencarian pekerjaan untuk membantu Orang Berinsurans dapat kembali bekerja semula iaitu dengan **sokongan secara individu** oleh Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO kepada Orang Berinsurans.

Semua elaun dan bantuan ini telah diperuntukkan oleh Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2018.

**PenjanaKerjaya 3.0** adalah penambahbaikan dan lanjutan daripada program PenjanaKerjaya 2.0. Menerusi kategori **Malaysianization** di bawah PenjanaKerjaya 3.0, insentif ditambah baik dengan merendahkan kadar gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,200 sebulan untuk semua kumpulan pekerja yang digajikan bagi jawatan yang kebiasaannya diisi oleh pekerja asing. Permohonan bagi program PenjanaKerjaya 3.0 dibuka mulai 15 Julai 2021 sehingga 31 Disember 2021 dan dijangka akan menjana sebanyak 180,000 penempatan pekerjaan sehingga akhir tahun ini.

Selain itu, Program PenjanaKerjaya diperluaskan lagi kepada golongan yang bekerja sendiri atau melakukan pekerjaan gig iaitu **KerjayaGig** di mana insentif diberikan kepada Orang Bekerja Sendiri selama 6 bulan.

Menerusi PEMULIH, Kerajaan telah memperkenalkan bantuan kewangan SIP PRIHATIN 2.0 iaitu dengan **memperluaskan Elaun Mencari Pekerjaan Tambahan (EMPT)** kepada **golongan bukan pencarum PERKESO termasuk graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal.**

Bagi melayakkan mereka menerima bantuan ini, mereka **perlu mendaftar di portal pekerjaan MyFutureJobs** yang diuruskan PERKESO agar usaha pencarian pekerjaan mereka dapat dibantu dan dipantau oleh PERKESO. Pencari kerja juga perlu menghadiri sekurang-kurangnya tiga temuduga dalam sebulan, sama ada secara fizikal atau dalam talian bagi melayakkan mereka menerima insentif EMP sebanyak RM300 sebulan selama tempoh 2 bulan. Sekiranya pencari kerja berjaya memperoleh pekerjaan melalui portal MyFutureJobs, insentif tambahan

## SOALAN NO : 29

sebanyak RM400 akan diberikan kepada mereka. PERKESO **menyasarkan seramai 229,000 pencari kerja** akan mendapat manfaat daripada bantuan ini. Pendaftaran untuk program ini bermula pada 15 Julai 2021.

PERKESO turut mempergiatkan **Karnival Kerjaya** atau *Job Carnival* di beberapa negeri agar program pengambilan pekerja dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pada masa yang sama, pekerja yang telah diberhentikan kerja, mereka boleh mendaftar dengan **Portal MyFutureJobs** iaitu portal pekerjaan yang membantu mereka mendapatkan pekerjaan baharu secara percuma. MyFutureJobs merupakan portal berteknologi tinggi dan terkini bagi membuat padanan pekerjaan berdasarkan kelayakan, kemahiran, pengalaman, gaji dan lain-lain mengikut keperluan majikan (*job matching*). Sehingga kini lebih 1 juta pencari kerja yang telah berdaftar di Portal Pekerjaan MYFutureJobs. Secara keseluruhan, dari 1 Januari 2021 sehingga Ogos 2021 seramai **203,102 yang telah berjaya** mendapat pekerjaan.

Portal ini telah dapat melancarkan lagi proses perkhidmatan pekerjaan dan juga telah digunakan sebagai platform dalam melaksanakan Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive Programme*).

Selain itu, SIP juga menyediakan **kaunseling kerjaya, Skills Profiling, penulisan resume, mock interview, latihan kemahiran bahasa** dan penyampaian serta **seminar pekerjaan** bagi mereka yang telah kehilangan pekerjaan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [ MAS GADING ]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MORDI BIMOL** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status naik taraf Hospital Daerah Bau yang sudah pun diluluskan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah meluluskan peruntukan berjumlah RM299,997.00 untuk tujuan Naiktaraf, Ubah Suai dan Pembaikan di Hospital Bau bagi tempoh 2016 hingga 2020.

2. Antara projek naik taraf yang dilaksanakan dan siap beroperasi adalah Naik Taraf Sistem Logistik Jabatan Farmasi, Naiktaraf Jabatan Dietetik dan Sajian untuk tujuan Pensijilan *Goods Manufacturing Practice* (GMP), Kerja-kerja Naik taraf Sistem Telefon, Naik Taraf Siling dan Dinding Bilik Bedah dan Kerja-kerja Menaik Taraf dan Mengubah Suai Unit Kecemasan dan Trauma.

Sekian, terima kasih.